

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JULY 2017

Dr. M hanya layak digelar 'kuda tua'

UM-28/7/2017 B3-13

KUALA LUMPUR 27

Julai - Kewibawaan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin tertinggi Pakatan Harapan yang diketuai DAP seolah-olah diperlekehkan apabila bekas Perdana Menteri itu hanya layak dianggap sebagai 'kuda tua' yang boleh diperalatkan untuk menarik sokongan orang Melayu.

Bekas Ketua DAP Bahagian Teluk Intan, Hew Kuan Yau berkata, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) juga boleh diumpamakan seperti 'sebilah keris' yang mam-



HEW KUAN YAU

pu menumbangkan UMNO.

"Jika ingin melaksanakan tugas, anda perlu terlebih dahulu mengasah senjata. Dalam usaha menumbangkan UMNO di kawasan luar bandar, 'kuda tua' merupakan senjata yang paling tajam untuk digunakan.

"Ingat, kuda tua tersebut boleh menjadi senjata bagi orang ramai untuk menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya menerusi catatan di Facebook beliau seperti yang turut dipetik portal *The Star Online* hari ini.